

**PENERAPAN TEORI STILISTIK DAN TEKSDEALISME  
BAGI MENGANALISIS PUISI TRI-V  
ABDUL GHAFAR IBRAHIM**

**MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis puisi-puisi Tri-V (verbal,vokal,visual) ciptaan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) menerusi penerapan teori sastera moden iaitu stilistik dan teksdealisme. Objektif kajian terarah kepada mengidentifikasi bentuk-bentuk deviasi, pemikiran serta individualisme yang terdapat dalam karya puisi beliau. Metodologi kajian melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis kandungan berhubung unsur penyimpangan bahasa menerusi pendekatan Donald C. Freeman iaitu fonologi, leksikologi, sintaksis, semantik, morfologi dan grafologi. Analisis juga melibatkan teknik bacaan rapi terhadap empat buah kumpulan puisi AGI iaitu *Tan Sri Bulan* (1976), *Tak Tun* (1978), *Yang Yang* (1986) dan *Takkan Hilang* (2008) bagi mengenalpasti prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan serta individualisme penyair. Kajian mendapati variasi gaya bahasa serta penyimpangan yang dicipta oleh AGI dalam puisi-puisi Tri-V nukilan beliau banyak menyimpang daripada hukum tatabahasa dan aturan bentuk konvensional. Namun begitu, karyanya beliau sarat dengan pemikiran dan falsafah yang mengangkat idiosinkrasi serta individualisme kepenyairan beliau. Secara kesimpulannya, kajian ini membuktikan dunia sastera Melayu begitu kaya dengan hasil karya yang unik, bervariasi serta tinggi nilai pemikiran. Implikasi kajian menunjukkan bahawa sesebuah ciptaan atau hasil karya yang melanggar aturan konvensional serta menyimpang daripada aspek kebahasaan boleh membinasakan mutu karya wajar diperbetulkan dalam usaha memartabatkan dunia sastera tanah air ke persada antarabangsa.



05

nilai pemikiran. Implikasi kajian menunjukkan bahawa sesebuah ciptaan atau hasil karya yang melanggar aturan konvensional serta menyimpang daripada aspek kebahasaan boleh membinasakan mutu karya wajar diperbetulkan dalam usaha memartabatkan dunia sastera tanah air ke persada antarabangsa.

## APPLICATION OF STYLISTIC AND TEKSDEALISME THEORY TO ANALYZE TRI-V ABDUL GHAFAR IBRAHIM'S POEMS

### ABSTRACT

The purpose of this study was to analyse Tri V's (verbal, vowel and visual) poems created by Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) through the stylistic and textdealisme of modern literature theory. The objective of this study focuses on identifying the form of deviations, thinking, and individualism in his poems. The methodology employed in this study is qualitative research based on the content analysis of language deviations which includes the phonology, lexicology, syntaxis, semantic, morphology, and graphology approach by Donald C. Freeman. The analysis include close reading technique on four AGI's poetry anthologies which are *Tan Sri Bulan* (1976), *Tak Tun* (1978), *Yang Yang* (1986) and *Takkan Hilang* (2008) to identify the presence, collision, strengthening and individualism principals of the poet. The findings have shown that language style variation and deviation which are created by AGI in his Tri-V poems have deviated a lot from grammar rules and conventional structures. However, AGI's poems are loaded with philosophy and thoughts which raise a poet's poetry idiosyncrasy and individualism. As a conclusion, this study proves that Malay literatures are rich with unique works, full of variations and thoughtful. The implications of this study shows that a creation or works that are breaking conventional rules and deviated from language aspects will destroy work quality should be corrected in order to uplift our local literature into world stage.



05-4506832      pustaka.upsi.edu.my      Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah      PustakaTBainun      ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Reka Bentuk Kajian	10
1.9	Definisi Operasional	10
1.10	Kesimpulan	11

## BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Kajian Berkaitan Teori Teksdealisme	13
2.3	Kajian Berkaitan Teori Stilistik	17
2.4	Kajian Lepas Tentang Karya Puisi AGI	24
2.5	Kesimpulan	28

## BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	30
3.2	Kaedah dan Pendekatan Kajian	31
3.3	Pengumpulan dan Analisis Data	31
3.4	Sampel Kajian	32
3.5	Kaedah Kajian Teori Stilistik	33
3.6	Kaedah Kajian Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Kehadiran	38
3.7	Kaedah Kajian Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Pelanggaran	40
3.8	Kaedah Kajian Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Pengukuhan	40
3.9	Kaedah Kajian Teori Teksdealisme Berdasarkan Prinsip Keperibadian	41
3.10	Perbezaan dan Titik Persamaan Kaedah Kajian Teori Stilistik dan Teksdealisme	42
3.11	Konsep Tri-V	44

3.12	Kombinasi Verbal, Vokal dan Visual	47
3.13	Perkaitan Pemikiran Penyair dengan Matlamat Mencapai Individualisme Kepenyairan	48
3.14	Lingkungan Verbal, Vokal dan Visual dalam Teks dan Konteks	50
3.15	Kesimpulan	53

## **BAB 4 ANALISIS STILISTIK ASPEK VERBAL, VOKAL & VISUAL DALAM EMPAT KUMPULAN PUSSI AGI**

4.1	Pengenalan	55
4.2	Analisis Aspek Verbal dalam Kumpulan Puisi <i>Tan Sri Bulan</i>	56
4.3	Analisis Aspek Morfologi	56
4.3.1	Ikhtibar Peperangan	59
4.3.2	Survival Kehidupan	61
4.3.3	Estetika Seni dan Budaya	63
4.3.4	Manifestasi Kejujuran	68
4.4	Analisis Aspek Leksikologi	71
4.4.1	Citra Unsur Alam	72
4.4.2	Citra Manusia	74
4.4.3	Cabaran Hidup	81
4.4.4	Pengalaman Kepenyairan	84
4.4.5	Kiasan Imej Manusia	87
4.4.6	Pergolakan	89
4.4.7	Pengaruh Bahasa	92

4.4.8	Kealpaan dan Kesedaran	95
4.4.9	Persoalan Kehidupan	99
4.4.10	Kesederhanaan dalam Hidup	102
4.5	Analisis Aspek Vokal dalam Kumpulan Puisi <i>Tan Sri Bulan</i>	105
4.6	Analisis Aspek Fonologi	106
4.6.1	Peniruan Bunyi Alam	106
4.6.2	Kejahilan Manusia	109
4.6.3	Matlamat Penghidupan	113
4.7	Analisis Aspek Visual dalam Kumpulan Puisi <i>Tan Sri Bulan</i>	117
4.8	Analisis Aspek Sintaksis	118

4.8.1	Persahabatan	130
4.8.2	Penantian	131
4.8.3	Teka-Teki Kehidupan	133
4.8.4	Perlambangan Budaya	135
4.9	Analisis Aspek Grafologi	137
4.9.1	Tata Wajah Puisi	138
4.10	Analisis Aspek Verbal dalam Kumpulan Puisi <i>Tak Tun</i>	149
4.11	Analisis Aspek Morfologi	149

4.11.1	Alam Sekitar	152
4.11.2	Refleksi Kehidupan	154
4.11.3	Tunas Kebudayaan	155
4.11.4	Nilai Moraliti	161

4.12	Analisis Aspek Leksikologi	163
4.12.1	Citra Jagat Alam	165
4.12.2	Cerminan Manusia	170
4.12.3	Getir Hidup	179
4.12.4	Perlambangan Sifat Tamak	181
4.12.5	Personifikasi Imej Manusia	184
4.12.6	Keruntuhan Moral	188
4.12.7	Manipulasi Bahasa	192
4.12.8	Nilai dan Prinsip Hidup	195
4.12.9	Sejarah dan Realiti	202
4.12.10	Wasatiah dalam Hidup	205

4.14	Analisis Aspek Fonologi	208
4.14.1	Imejan Bunyi Alam	209
4.14.2	Kelewaan Manusia	211
4.14.3	Liku Penghidupan	216
4.15	Analisis Aspek Visual dalam Kumpulan Puisi <i>Tak Tun</i>	222
4.16	Analisis Aspek Sintaksis	222
4.16.1	Dilema Ekonomi Melayu	223
4.16.2	Kecintaan Terhadap Pencipta	234
4.16.3	Pelestarian Seni dan Sastera	236
4.16.4	Kemajuan dan Kehancuran	238

4.16.5 Parameter Kehidupan	240
4.16.6 Prinsip Kedamaian	242
4.17 Analisis Aspek Grafologi	244
4.17.1 Tata Hias Puisi	245
4.18 Aspek Verbal dalam Kumpulan Puisi <i>Yang Yang</i>	261
4.19 Analisis Aspek Morfologi	261
4.19.1 Apresiasi Masa	263
4.19.2 Dilema Penghijrahan	265
4.19.3 Keadilan Sejagat	268
4.19.4 Pasangan Hidup	271
4.20 Analisis Aspek Leksikologi	273
 4.20.1 Perspektif Unsur Alam	274
4.20.2 Keragaman Manusia	277
4.20.3 Liku Kehidupan	284
4.20.4 Tendensi Sifat Tamak	287
4.20.5 Pentas Teater Manusia	290
4.20.6 Krisis dan Pengajaran	294
4.20.7 Pinjaman Bahasa	297
4.20.8 Kelewaan Hiasan Dunia	300
4.20.9 Rencam Dunia	305
4.20.10 Sastera dan Rasionalisasi	310
4.21 Analisis Aspek Vokal dalam Kumpulan Puisi <i>Yang Yang</i>	313
4.22 Analisis Aspek Fonologi	313

4.22.1	Imitasi Bunyi Alam	314
4.22.2	Kontradiksi Patriotik Kehalobaan	319
4.22.3	Rentetan Penghidupan	323
4.23	Analisis Aspek Visual dalam Kumpulan Puisi <i>Yang Yang</i>	329
4.24	Analisis Aspek Sintaksis	330
4.24.1	Politik dan Ekonomi	330
4.24.2	Apresiasi Terhadap Pencipta	342
4.24.3	Pelestarian Sastera	343
4.24.4	Budaya Melayu	346
4.24.5	Warna Kehidupan	348
4.24.6	Perpaduan Kaum	350

4.25.1	Tata Rupa Puisi	353
4.26	Analisis Aspek Verbal dalam Kumpulan Puisi <i>Takkan Hilang</i>	365
4.27	Analisis Aspek Morfologi	365
4.27.1	Kesan Teknologi Maklumat	367
4.27.2	Dunia Pendidik	370
4.27.3	Keamanan dan Patriotisme	373
4.27.4	Kecintaan Kedamaian	377
4.28	Analisis Aspek Leksikologi	381
4.28.1	Foto Unsur Alam	382
4.28.2	Watak-Watak Manusia	384
4.28.3	Ujian Hidup	392

4.28.4 Ketakwaan dan Kelewaan	397
4.28.5 Pelukisan Imej Manusia	400
4.28.6 Kepercayaan dan Keimanan	404
4.28.7 Variasi Bahasa	408
4.28.8 Kealpaan dan Kekecewaan	411
4.28.9 Ingatan Sejarah	415
4.28.10 Keprihatinan Sesama Agama	419
4.29 Analisis Aspek Vokal dalam Kumpulan Puisi <i>Takkan Hilang</i>	421
4.30 Analisis Aspek Fonologi	422
4.30.1 Rakaman Bunyi Alam	422
4.30.2 Kelalaian Manusia	426
4.30.3 Misi Penghidupan	430
4.31 Analisis Aspek Visual dalam Kumpulan Puisi <i>Takkan Hilang</i>	436
4.32 Analisis Aspek Sintaksis	436
4.32.1 Politik dan Warna Kehidupan	437
4.32.2 Kesyukuran Terhadap Pencipta	449
4.32.3 Pelestarian Sastera	451
4.32.4 Adat Merentas Masa	453
4.32.5 Jejak Kehidupan	455
4.32.6 Isu Pengangguran	458
4.33 Analisis Aspek Grafologi	460
4.33.1 Tata Hias Puisi	461

**BAB 5****ANALISIS PEMIKIRAN BERDASARKAN ASPEK SEMANTIK  
DALAM EMPAT KUMPULAN PUISI AGI**

5.1	Pengenalan	478
5.2	Pemaknaan Puisi	479
5.3	Analisis Aspek Semantik dalam Kumpulan Puisi <i>Tan Sri Bulan</i>	480
5.3.1	Protes dan Kritikan Sosial	481
5.3.2	Horizon Kebebasan	486
5.3.3	Nilai Jagat Raya	492
5.3.4	Keagamaan	495
5.4	Analisis Aspek Semantik dalam Kumpulan Puisi <i>Tak Tun</i>	501
5.4.1	Kelestarian Alam dan Kritikan Sosial	503
5.4.2	Polemik Politik	509
5.4.3	Unsur Keagamaan	512
5.5	Analisis Aspek Semantik dalam Kumpulan Puisi <i>Yang Yang</i>	518
5.5.1	Protes Sosialisasi	519
5.5.2	Keprihatinan Kehidupan	523
5.5.3	Kemanusiaan dan Alam Sekitar	527
5.5.4	Penyuburan Keagamaan	534
5.5.5	Jati Diri Ketimuran	538

5.6	Analisis Aspek Semantik dalam Kumpulan Puisi <i>Takkan Hilang</i>	542
5.6.1	Polemik dan Kritikan Sosial	543
5.6.2	Kehidupan Peribadi	546
5.6.3	Insani dan Alam Sekitar	550
5.6.4	Prinsip Keagamaan	555
5.6.5	Jalinan Seni dan Budaya	560
5.7	Kesimpulan	564

## BAB 6 ANALISIS TEKSDEALISME DALAM EMPAT KUMPULAN PUISI AGI

6.1	Pengenalan	566
6.2	Prinsip Kehadiran dalam Kumpulan Puisi <i>Tan Sri Bulan</i>	567
6.2.1	Struktur Kehadiran	568
6.2.2	Aliran	571
6.3	Prinsip Pelanggaran dalam Kumpulan Puisi <i>Tak Tun</i>	573
6.3.1	Pelanggaran Latar	576
6.3.2	Perlanggaran Aliran	578
6.4	Prinsip Pengukuhan dalam Kumpulan Puisi <i>Yang Yang</i>	580
6.4.1	Pengukuhan dari Segi Pemikiran	582
6.4.2	Pengukuhan dari Segi Aliran	586
6.5	Prinsip Individualisme dalam Kumpulan Puisi <i>Takkan Hilang</i>	587



6.5.1	Subjektiviti	589
6.5.2	Stail Individu	591
6.5.3	Rekacipta Individu	592
6.5.4	Tindakan Individu	593
6.6	Kesimpulan	595

## BAB 7 PENEMUAN DAN PENUTUP

7.1	Pengenalan	596
7.2	Idiosinkrasi Kepenyairan AGI Berlandaskan Kajian Stilistik	597
7.3	Gagasan Pemikiran dalam Kumpulan Puisi AGI	602
7.4	Citra Keperibadian AGI Menerusi Horizon Kajian Teksdealisme	611
7.5	Penutup	617
7.6	Cadangan	618

<b>RUJUKAN</b>	622
----------------	-----

<b>LAMPIRAN A</b>	KUMPULAN PUISI AGI
-------------------	--------------------

<b>LAMPIRAN B</b>	PENCAPAIAN AGI
-------------------	----------------

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Definisi Operasional bagi Kajian Puisi Tri-V AGI	11
3.1 Kombinasi Kerangka Teori Stilistik dan Teksdealisme Berdasarkan Konsep Tri-V	44
7.1 Rumusan Deviasi Stilistik yang Menjawab kepada Objektif serta Persoalan Kajian Pertama	601
7.2 Rumusan Pemikiran Puisi AGI yang Menjawab kepada Objektif serta Persoalan Kajian Kedua	610
7.3 Rumusan Keperibadian Kepenyairan AGI yang Menjawab kepada Objektif serta Persoalan Kajian Ketiga	615

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Reka Bentuk Kajian Berkenaan Puisi Tri-V AGI Berlandaskan Teori Stilistik dan Teksdealisme	10
3.1 Jalinan Konsep Tri-V (Verbal, Vokal, Visual) dalam Teori Stilistik	46
3.2 Lingkungan Verbal, Vokal dan Visual dalam Teks dan Konteks	52
4.1 Imejan Gagak yang Paralel dengan Visual Puisi “Gakgakgak”	139

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Horizon penglibatan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) mencakupi hampir segenap lapangan seni iaitu sebagai penyair Tri-V (verbal,vokal,visual), deklamator, pelukis kanvas, penari, pelakon pentas, penulis skrip drama selain bergiat aktif sebagai aktivis sastera. Menerusi kajian ini, pengaplikasian teori stilistik dan teksdealisme difokuskan kepada puisi-puisi ciptaan beliau yang berjaya mengangkat dirinya sebagai penerima anugerah S.EA Write Awards mewakili negara Malaysia pada tahun 2005.

Stilistik merupakan kajian terhadap keseluruhan karya yang memberikan tumpuan kepada penggunaan bahasa. Stilistik bertujuan untuk menyerlahkan keupayaan penyair menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika (Arba'ie Sujud, 2011:440). Kajian ini mengaplikasi teori stilistik dengan menganalisis struktur puisi Tri-V yang merangkumi jalinan verbal, vokal dan visual. Verbal meliputi aspek morfologi, semantik dan leksikologi, vokal menerusi aspek fonologi manakala visual berdasarkan aspek sintaksis dan grafologi.

Kajian turut memanfaatkan keempat-empat prinsip yang terdapat dalam teori teksdealisme dalam usaha menemukan kehadiran pengalaman penyair, pelanggaran yang tercetus, pengukuhan yang dibina serta keunggulan dan individualisme yang ditempa berdasarkan kepada penciptaan karya-karya puisi Tri-V AGI. Mana Sikana (2006:19) memperincikan bahawa terdapat empat prinsip dalam teori teksdealisme iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Keempat-empat prinsip ini akan meggambarkan keunggulan penyair sepanjang keterlibatannya dalam dunia kepenyairan.

Menjejaki lumrah alamiah seorang seniman, kebebasan merupakan manifestasi hidup yang menjadi wadah utama penyair. AGI cenderung untuk berkarya dengan bebas dan tidak terikat serta kebekuan. Beliau tidak suka dikongkong atau dipaksa kerana melalui kebebasan akan bertunas kreativiti diri dan beliau terus menerus berusaha mencari gaya serta teknik yang baharu dalam meluahkan idea yang diilhamkannya. Menerusi daya rasa kebebasan ini juga AGI menukil karya puisi Tri-V berdasarkan perspektif serta gawang minda tersendiri.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Gerak ganda kepenyairan AGI mempunyai stail, dogma dan rencam idea yang luas. Stail yang bukan ikut-ikutan dan bukan tiru-tiruan. Maka, di sinilah terpancaranya kedinamikan dan keunikan yang dijana dalam daya fikir diri beliau. Menurut A. Samad Said (2013:30) Ghafar berusaha menjadi dirinya sendiri, berusaha setulen mungkin dalam pengucapan seninya kerana ketulenan itu setidak-tidaknya membuktikan bahawa dia mahu menjadi asli dan tidak mengikut-ikut.

Sepanjang pencarian lapis-tipis identiti diri, AGI menggagas gaya identiti yang tersendiri bagi mewarnai dan menghiasi jagat sastera tanah air. Beliau meneroka puisi Tri-V sekaligus mempertahankannya. Hal ini demikian kerana AGI berpegang kepada prinsip kepenyairannya iaitu inginkan rintis perubahan dan tidak mahu menganut aliran konvensional seperti penyair-penyair lain sebelum ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sememangnya konsep atau gaya baharu yang ditukangi oleh beliau suatu ketika dahulu diakui sukar untuk diterima oleh segelintir masyarakat sastera berikutan bentuknya yang melanggar aturan konvensi. Struktur puisi ciptaan juga menyimpang jauh daripada tradisi hukum puisi. Sahlan Mohd Saman (2005:161) berpendapat penciptaan penyimpangan dilakukan atas beberapa perkara. Selain ingin lari daripada konvensi, berkemungkinan melakukan eksperimen, ingin kepada sesuatu yang baharu yang membawa kepada identiti sendiri; atau tidak gemar kepada ciri keterikatan, lalu membebaskan diri seseorang penyair.

AGI mempunyai citra tersendiri sepanjang proses penciptaan karya Tri-Vnya dan tidak hanya mencipta sekadar menghiasi kutub khanah sebaliknya puisi itu sendiri tercatat matlamat kepenyairan beliau :



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perhubungan adalah matlamat sajak-sajakku. Cara aku membuat perhubungan dengan orang lain itu merupakan cara aku memperkenalkan diriku kepada mereka. Tak semestinya orang mengakui baik cara aku berkenalan itu.

(*Tan Sri Bulan*, 1976: xii)

## 1.2 Permasalahan Kajian

Puisi Tri-V merupakan salah sebuah bentuk puisi yang boleh dianggap unik, ambiguiti dan kompleks. Karya sebegini tidak mudah untuk dihadami kerana mempunyai cara yang tersendiri untuk dideklamasi, diapresiasi serta diinterpretasi. Sungguhpun begitu, keunikan jagat sastera bukan sesuatu yang mustahil untuk diterokai. AGI meneroka gaya kepenyairan yang tersendiri dan berbeza dengan penyair-penyair lain. Beliau memanfaatkan daya kreativiti, reka cipta dan inovasi yang unik menerusi integrasi konsep verbal, vokal dan visual.

Bertitik-tolak daripada segenap penyimpangan, keunikan dan kerencaman puisi Tri-V AGI yang kadangkala membabitkan kesukaran dalam memahami serta menghayati karya puisi ciptaan beliau membuatkan kajian ini cuba untuk mengidentifikasi segala deviasi, menaakul lapis tipis pemikiran serta mengesani sisi individualisme penyair berlandaskan kepada penerapan teori stilistik dan teksdealisme.



Berdasarkan kepada penelitian secara terperinci, didapati terdapat beberapa korpus penulisan buku akademik yang membincangkan berkenaan gaya kepenyairan AGI. Antaranya tulisan Mana Sikana (2009) dalam bukunya bertajuk *Teori Sastera Kontemporari*. Menerusi rencam idea penulisan beliau, terdapat pengaplikasian teori stilistik yang dibuat ke atas puisi Tri-V ciptaan AGI bertajuk “Gakgakgak”. Analisis yang dijalankan tertumpu kepada aspek fonologi iaitu melihat kepada taburan penggunaan bunyi seperti asonansi, aliterasi serta rima puisi. Berdasarkan kepada kajian beliau ini, pengkaji mendapati Mana Sikana membuat penilaian terhadap aspek fonologi yang berpusat kepada pola kekerapan penggunaan bunyi bagi mengesani keindahan serta kedinamikan karya puisi “Gakgakgak”.



Demikian pula dalam tulisan Sahlan Mohd. Saman (2005), beliau meneliti konsep Tri-V yang diutarakan oleh AGI secara formulasi. Beliau mengutarkan bahawa puisi yang berkonsepkan Tri-V harus dibaca dengan kuat dan didengar untuk mendapatkan maknanya. Tanpa melakukan dua prasyarat pertama, penghayatan tentu menjadi sukar dan sirna. Puisi sebegini perlu dibaca bersuara, perlu dilakukan untuk mendapatkan apresiasi sebaik-baiknya. Menerusi penulisan Sahlan Mohd. Saman ini, beliau turut menekankan kepada aspek bunyi atau fonologi.

Sehubungan itu, terdapat persamaan jalinan idea kajian di antara Sahlan Mohd. Saman dengan Mana Sikana yang juga turut menekankan kepada aspek fonologi menerusi puisi “Gakgakgak” ciptaan AGI. Secara relatifnya, kajian pengkaji tidak hanya meneliti secara total aspek artikulasi semata-mata tetapi turut menyangkuti aspek idiosinkrasi yang dicipta oleh AGI berdasarkan manipulasi verbal, vokal dan visual dalam puisi-puisi ciptaannya.



Berdasarkan kepada beberapa pandangan dalam korpus kajian penulisan akademik di atas, sekurang-kurangnya terdapat tiga perkara yang dikenalpasti dan dapat disenaraikan dalam permasalahan kajian iaitu :

- a) Pandangan yang diutarakan berkenaan dengan kepenyairan AGI kurang menyeluruh dan hanya menyentuh kepada konteks tertentu dan tidak mencakupi semua perkara.
- b) Analisis hanya memfokuskan kepada aspek fonologi iaitu kajian terhadap bunyi yang terdapat dalam karya puisi AGI.
- c) Kurang penekanan berhubung aspek idiosinkrasi, konstruktif bahasa mahupun individualisme yang cuba diangkat oleh penyair.

Secara jelasnya didapati belum ada sebarang kajian yang terperinci dan mendalam dibuat berdasarkan kepada teori stilistik dan teksdealisme terhadap puisi-puisi AGI. Hal ini merupakan perkara pokok yang ingin diangkat serta diselidiki. Berdasarkan kepada pengamatan dan penelitian pengkaji, kajian yang dijalankan mempunyai perbezaan yang amat jelas dengan kajian-kajian lain yang pernah dibuat oleh beberapa pengkaji sebelum ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab tiga soalan berikut :

1.3.1 Sejauh manakah bentuk pendeviasian dalam puisi AGI dapat diidentifikasi berdasarkan penerapan teori stilistik?

1.3.2 Adakah puisi ciptaan AGI mempunyai pemikiran yang mendalam atau sekadar bentuk yang pelbagai sahaja?

1.3.3 Mengenalpasti sama ada benarkah AGI seorang penyair yang mempunyai keperibadian berorientasikan kepada prinsip kehadiran, pelanggaran,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

### 1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengidentifikasi bentuk-bentuk deviasi dalam puisi AGI berlandaskan teori stilistik.

1.4.2 Menaakul pemikiran yang tertanam dalam puisi AGI berdasarkan aspek semantik menerusi kepelbagaiannya bentuk puisi.

1.4.3 Mengaplikasi teori teksdealisme melalui prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme penyair bagi menemukan keperibadian AGI.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.5 Kepentingan Kajian

- 1.5.1 Hasil kajian ini penting bagi mendedahkan kepada dunia pendidikan sastera berkenaan keterlibatan penyair AGI dalam mengangkat konsep Tri-V yang dapat ditelusuri menerusi teori stilistik sekaligus mempelbagaikan serta mencambahkan lagi lapangan kajian sastera moden.
- 1.5.2 Hasil kajian ini juga secara tidak langsung turut mencerna teori teksdealisme dan pada masa yang sama memartabatkan teori tempatan.
- 1.5.3 Kajian ini penting bagi memperbaiki tanggapan bahawa sesuatu penciptaan karya yang melanggar konvensi serta aturan tatabahasa tidak semestinya dianggap salah mahupun buruk atas dasar kebebasan berkarya “*poetic license*”.

## 1.6 Skop Kajian

- 1.6.1 Kajian ini mengaplikasi pendekatan kualitatif berlandaskan kepada analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah analisis kandungan ini melibatkan pembacaan secara rapi (*close reading*), penelitian, pemilihan serta penyaringan teks atau karya yang dikenal pasti sebagai data penyelidikan pengkaji. Dua buah teori sastera moden turut diaplikasi dalam kajian ini iaitu teori stilistik dan teksdealisme.